

# Pembebasan

“tanpa teori revolusi, tidak akan ada gerakan revolusi”- Lenin

## Krisis kelas pemerintah ditengah-tengah krisis kapitalisme- Jalan alternatif adalah sosialisme!

Ditulis oleh Pembebasan

6 Ogos 2015

Perpecahan dikalangan kelas pemerintah sampai kepada kemuncaknya apabila perdana menteri Najib Abdul Razak membuat penyusunan semula kabinet yang menyaksikan Muhyiddin Yassin, diberi notis untuk keluar meninggalkan pejabat timbalan perdana menteri. Perpecahan ini bukan sesuatu yang aneh dan bukan berlaku didalam tempoh masa satu malam. Krisis dikalangan elit politik dan kelas pemerintah yang merupakan nadi kepada kelas kapitalis di Malaysia tidak pernah surut semenjak penghujung 90-an sehingga kini. Malah bibit-bibit perpecahan ini boleh dikesan jauh lebih lama daripada itu. Perpecahan dikalangan kelas pemerintah disesuatu negara kapitalis adalah merupakan terjemahan daripada kontradiksi sistem ekonomi kapitalis itu sendiri. Lebih-lebih lagi versi kapitalisme yang berkembang di Malaysia, diawalnya melalui penjajahan kuasa imperialisme dan seterusnya diteruskan oleh birokrasi kelas pemerintah yang secara perlahan membiakkan korupsi dan kronisme, seperti kanser yang secara senyap telah membinasakan negara ini.

Projek penswastan industri-industri penting dalam ekonomi negara yang bermula sejak 80-an contohnya, adalah langkah kaum pemerintah dan kepentingan kapitalis untuk mengatasi kontradiksi didalam kapitalisme itu sendiri iaitu halangan dan kekangan daripada birokrasi negara atau *state* dengan cara menjual dan mengagih-agihkan industri-industri penting kepada tangan-tangan kelas kapitalis. Namun, didalam sistem kapitalisme, setiap usaha yang dilakukan untuk mengatasi sesuatu kontradiksi

akan menemui satu kontradiksi yang baru, dan yang lebih penting adalah ia merupakan pembuka jalan kepada krisis yang baru. Itu lah yang terjadi kepada Malaysia dimana proses penjarahan harta-harta awam ini berakhir dengan perpecahan dikalangan elitnya seperti layaknya penyamun yang bercakaran sesama sendiri demi merebut hasil daripada rompakan dan pencurian.

### Apakah penyelesaiannya?

Adakah jalan keluar buat Malaysia didalam keadaan kapitalisme secara global sedang mengalami krisis? Tambahan pula parti-parti pembangkang juga sedang mengalami banyak masalah dalaman dan tidak berjaya menawarkan alternatif kepada rejim BN selain daripada reformasi. Didalam cuaca ekonomi global masa kini, segala bentuk reformasi dan konsesi adalah mustahil. Kapitalisme tidak boleh dijinak-jinakkan.

Malaysia memerlukan perubahan yang radikal. Jalan keluar buat Malaysia adalah dengan memastikan bahawa segala industri penting harus dinasionalisasikan kembali dan diuruskan demi kebaikan rakyat bersama, bukan sekadar untuk menjana keuntungan kepada segelintir parasit yang menunggang kelas elit politik. Hanya sosialisme boleh mengeluarkan Malaysia daripada kebuntuan sistem ini. Kearah masyarakat sosialis Malaysia dan seluruh dunia!

#### PEMBEBASAN

Sertai kami didalam diskusi idea-idea Marxist demi mencari alternatif kepada sistem yang sedia ada.

#### Apa yang kami perjuangkan?

Kearah sosialisme diMalaysia, Asia Tenggara dan seluruh dunia! Dunia dimana segala sumber dan kekayaannya digunakan untuk kepentingan bersama adalah tidak mustahil!

<https://pembebasanmarxist.wordpress.com>